

Mahathir pemimpin yang tahu subjek diperkatakan

UM - 2 JUN 1990

KUALA LUMPUR 1 Jun - Menteri - Menteri Luar Anggota Kumpulan 15 (K-15) memuji Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin Selatan - Selatan yang mengetahui subjek yang diperkatakannya.

Menurut mereka, ini jelas tergambar dalam ucapan pembukaan beliau di Persidangan Kemuncak Pertama Negara - Negara K-15 yang kebanyakannya menyentuh soal dasar kerjasama Selatan - Selatan secara lebih berkesan.

Kata mereka, ia adalah satu ucapan yang baik terutamanya apabila Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan supaya negara - negara Selatan melupakan pergantungan kepada negara - negara Eropah sebaliknya cuba menggunakan sumber - sumber yang ada di kalangan negara anggota.

"Ini memperlihatkan kepercayaan dan keyakinan yang amat mendalam kepada diri sendiri yang sewajarnya menjadi titik permulaan ke arah kerjasama Selatan - Selatan yang lebih bermakna," kata Menteri Luar Venezuela, Dr. Reinaldo Figueredo.

Beliau menambah, Dato' Sri Dr. Mahathir telah meletakkan asas - asas yang konkrit dalam kerjasama tersebut dan berjaya meyakinkan negara anggota bahawa mesyuarat tiga hari di sini bukan sahaja akan menghasilkan buah fikiran yang luarbiasa tetapi mampu dipraktikkan

jika wujudnya kerjasama erat.

"Saya gembira beliau memperlihatkan keyakinannya melalui ucapan dasar tadi dan kita tahu bahawa ucapan Dr. Mahathir sebelum ini pun sememangnya terang dan konkrit," kata beliau.

Menteri Luar Nigeria, Dr. Rilwanu Lukman pula menyifatkan ucapan Dato' Sri Dr. Mahathir sebagai cukup baik dan tepat mengenai sasarannya.

Beliau berkata, Nigeria kagum dengan isu liberal ala - Barat yang ditekankan oleh Dato' Sri Dr. Mahathir di mana mereka (Barat) cuba mendesak demokrasi yang lain tunduk kepada demokrasi tafsiran mereka.

Kata Dr. Rilwanu itu adalah fakta terpenting yang ditegaskan oleh Perdana Menteri.

Menteri Luar Zimbabwe, Nathan Shamuyarira berkata apa yang menjadi kelebihan Dato' Sri Dr. Mahathir dalam menyampaikan ucapannya ialah pemilihan fakta - fakta dan ayat yang relevan dan penting dengan subjek.

"Beliau berjaya membuat semua pihak turut merasa penting dalam menggemblengkan tenaga untuk membentuk dan mengasaskan sekretariat tetap untuk K-15," ujar beliau.

Katanya, adalah jelas tanpa sebuah sekretariat, G-15 tidak akan bergerak. Dalam pada itu kesemua Menteri Luar yang ditemui turut menyokong cadangan membentuk sebuah sekretariat tetap negara - negara Selatan sambil menyatakan kesediaan menghulurkan bantuan segera.

Dr. Figueredo menegaskan, Venezuela bersedia menyediakan kemudahan mekanisme ke arah itu. Bagaimanapun bentuknya belum ditetapkan lagi.